



7 Julai 2011
7 July 2011
P.U. (B) 348

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 739/1959* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 12 November 1959, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*No. 24/1962*] dan diwakilkan kepadanya melalui *Warta Kerajaan Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 70 yang terletak di dalam seksyen 90 Bandar Kuala Lumpur, seluas 6 ekar 1 rud 37 pol yang ditandakan di atas pelan ukur hasil, No. 21,436 yang sekarang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu kawasan lapang dan padang permainan yang boleh dimasuki oleh orang awam apabila tidak digunakan oleh sekolah yang disenggarakan oleh Ketua Pegawai Pendidikan Selangor:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir